

LATIHAN KATA PANGKAL AYAT

Penyelaman Raja Rawa

AKTIVITI



1. Cari kata pembenar dan kata pangkal ayat.
2. Raja Rawa menggunakan teropong yang terdapat pada Lancang Jita. Bincangkan kepentingan teropong kepada sesebuah kapal selam.

Alkisah bermula dengan Raja Rawa yang memiliki kerajaan yang mewah dan terkaya di benua itu. Istana baginda diperbuat daripada emas bertatahkan berlian dan zamrud. Syahadan, sedang baginda duduk-duduk sambil memerhati alunan ombak, maka terlintas dalam fikiran baginda mahu meneroka samudera pula.

“Daripada beta memikirkan saja kehidupan di dalam samudera, ada baiknya beta turun melihat sendiri kerajaan di sana,” titah Raja Rawa kepada mamandanya.

“Benar, tuanku. Patik akan menghimpunkan semua cendekiawan negara kita supaya membina pesawat untuk tuanku ke sana,” sembah mamanda Raja Rawa. Kalakian, pertandingan membina pesawat yang boleh menyelam ke dasar laut telah diadakan. Sebermula itu, ramailah cerdik pandai membina bermacam-macam bentuk kapal selam. Hatta, sampai masa pemilihan kapal selam, baginda telah memilih kapal yang diberi nama Lancang Jita.

“Adakah ini binaan kaca?” tanya baginda kepada pemilik Lancang Jita.

“Ya, tuanku. Lancang Jita boleh menyelam apabila kapal diisi air dan timbul apabila air dikeluarkan daripada tangkinya. Udara dipam masuk dari luar bagi membenarkan penyelam tinggal lebih lama di bawah air. Adapun kapal ini berbentuk ikan bagi memudahkan pergerakan.”

“Adakah binaan ini membolehkan beta melihat pemandangan di bawah air?”

“Ya, boleh, tuanku,” sembah tukang Lancang Jita. Raja Rawa memberikan anugerah yang banyak kerana kagum akan ciptaan tukang Lancang Jita.

Kalakian, Lancang Jita baginda mula menyelam ke dasar laut. Dalam perjalanan, baginda melihat banyak perkara indah. Terumbu karang dan hidupan laut yang melambai-lambai itu memukau penglihatan baginda.

Syahadan, Raja Rawa menggunakan teropong untuk melihat pemandangan yang lebih jauh. Kagum benar baginda melihatnya. Lancang Jita memang hebat, dapat bergerak secara senyap dan mudah dikemudikan. Baginda benar-benar gembira.

(Adaptasi: *Sulalatus Salatin*, 2015)



Senaraikan Kata Pangkal Ayat dalam petikan yang sama maksud dengan senarai di bawah.

MAKSUD	KATA PANGKAL AYAT
hingga/maka	
seterusnya	
setelah itu	
kemudian cerita seterusnya	
adapun setelah itu	

Lengkapkan ayat di bawah dengan Kata Pangkal Ayat yang sesuai.

1. _____permaisuri pun bersiramlah di perigi itu.
2. _____datanglah seorang ahli menghadap tuan puteri.
3. _____tidak berapa lama kemudian mangkatlah sultan.

